

**J/kuasa Khas Ditubuh Atasi Tindakan Sabotaj Calon BN- Najib
Bernama
19 Oktober, 2012**

KUALA LUMPUR, 19 Okt (Bernama) -- Majlis Tertinggi Umno hari ini bersetuju mewujudkan jawatankuasa khas untuk memantau dan mengambil tindakan segera terhadap mana-mana anggota parti yang mengkhianati atau mensabotaj calon Barisan Nasional (BN).

Perdana Menteri merangkap Presiden Umno Datuk Seri Najib Tun Razak berkata jawatankuasa khas itu akan dipengerusikan Tan Sri Tengku Ahmad Rithauddeen Tengku Ismail yang juga Pengerusi Lembaga Disiplin parti.

"Jawatankuasa khas itu merupakan cerminan hasrat parti supaya tindakan tegas segera diambil kepada sesiapa yang melakukan sebarang tindakan yang boleh merosakkan kepentingan parti," kata Najib selepas mempengerusikan mesyuarat Majlis Tertinggi Umno di sini.

Beliau berkata jawatankuasa khas itu akan dianggotai beberapa anggota Majlis Tertinggi yang tidak ada kepentingan selain anggota Lembaga Disiplin dan pihak tertentu selaras dengan Fasal 10.15 yang dibaca bersama Fasal 20.3 Perlembagaan Umno.

"Kita juga bersetuju supaya definisi sabotaj dan mengkhianati parti dihuraikan supaya semua orang jelas apa tindakan yang boleh diambil di bawah Fasal itu," katanya.

Najib menjelaskan definisi sabotaj dan khianat termasuk tindakan menghasut untuk menentang parti selain penyalahgunaan wang seperti tidak membelanjakan wang untuk tujuan pilihan raya.

Katanya, antara tindakan yang boleh dikenakan ke atas mereka yang didapati bersalah adalah seperti digantung atau dipecat keahlian serta tindakan lain yang tertakluk di bawah fasal tersebut dalam Perlembagaan Umno.

"Kita juga setuju supaya melantik di setiap bahagian seorang anggota yang boleh memberi laporan kepada jawatankuasa itu, dan di samping itu laporan terus kepada ibu pejabat dan secara online," katanya.

Beliau berkata sebelum ini, sudah ada anggota parti yang telah dikenakan tindakan atas sebab mensabotaj dan mengkhianati parti.

"Tetapi sekarang ini kita nak lebih tegas lagilah. Dulu ianya lambat, dah berbulan-bulan baru kita ambil tindakan. "Sekarang ini kita mahu proses itu disegerakan," katanya.

Mengenai Perhimpunan Agung Umno yang dijadualkan bulan depan, beliau berkata MT meluluskan tiga usul iaitu ekonomi, agama dan pendidikan selain usul ucapan dasar presiden,

"Kita telah melantik wakil-wakil MT untuk persidangan Wanita, Pemuda dan Puteri Umno," katanya.

-- BERNAMA

Copyright © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=703366>